

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
1.	<p>Projek tidak dapat disiapkan oleh Kontraktor sebagaimana tarikh yang ditetapkan dalam kontrak. Perakuan Kerja Tidak Siap (PKTS) dikeluarkan oleh P.P. Bolehkah P.P terus menamatkan pengambilan kerja kontraktor?</p> <p>Apabila PKTS telah dikeluarkan, Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dikenakan. Sekiranya kemajuan kerja Kontraktor masih lagi di bawah tahap sepatutnya dan peratus kerja masih jauh ketinggalan, maka P.P boleh mempertimbangkan penamatan kerja kontraktor dengan mematuhi prosedur penamatan.</p> <p>Sekiranya peratus kerja yang perlu disiapkan adalah kecil, P.P boleh mempertimbangkan Kontraktor meneruskan kerja dengan mengenakan LAD sehingga projek disiapkan oleh Kontraktor.</p>
2.	<p>Bilakah surat amaran untuk penamatan perlu dikeluarkan? Berapakah amaran yang perlu dikeluarkan sebelum notis tujuan penamatan kerja kontraktor dikeluarkan? Adakah berdasarkan kepada kemajuan kerja di tapak atau tempoh kontrak?</p> <p>Amaran untuk tujuan penamatan sebaik-baiknya dikeluarkan apabila peratus kemajuan kerja menunjukkan kelewatan fizikal melebihi 10%. Tidak ada penetapan berapa bilangan amaran yang perlu dikeluarkan. Walau bagaimanapun, amaran terbaik untuk mengeluarkan amaran adalah sekurang-kurangnya sekali amaran sebelum notis untuk tujuan penamatan dikeluarkan. (Rujuk SAKPKR Bil. 7/2008)</p> <p>Notis Untuk Tujuan Penamatan adalah sebagaimana Klausula 51 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p>
3.	<p>Sebelum penamatan pengambilan kerja kontraktor dibuat, perlukah ianya dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit?</p> <p>Ya, perlu.</p> <p>Laporan projek sakit perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Projek Sakit apabila kelewatan kemajuan di tapak melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana terdahulu dan Kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.</p> <p>Jawatankuasa Projek Sakit berperanan untuk meneliti Laporan Projek Sakit yang dikemukakan oleh P.P. Jawatankuasa ini akan memutuskan sama ada projek tersebut wajar ditamatkan atau memberi peluang kepada Kontraktor untuk meneruskan kerja. (Rujuk 1PP/PK4)</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
4.	<p>Apakah jarak antara Notis Untuk Tujuan Penamatan (NUTP) Pengambilan Kerja Kontraktor dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor? Apakah tindakan yang perlu diambil jika Kontraktor menunjukkan kemajuan kerja di tapak bina selepas NUTP dikeluarkan?</p> <p>Jarak antara kedua-dua notis tersebut hendaklah munasabah dan lazimnya adalah 14 hari dari tarikh Kontraktor menerima NUTP (Rujuk Klausa 51 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010)).</p> <p>Jika Kontraktor menunjukkan kemajuan sebagaimana yang dinyatakan di dalam NUTP, maka notis penamatan kerja kontraktor tidak perlu dikeluarkan. Prestasi kerja Kontraktor perlu dipantau dengan lebih kerap. Jika kelewatan berulang, NUTP baharu perlu dikeluarkan.</p> <p>Sebagai peringatan P.P hendaklah berhati-hati kerana sebarang tindakan secara langsung atau tidak (seperti mengadakan mesyuarat) yang seolah-olah memberikan harapan kepada Kontraktor boleh menyebabkan NUTP terbatal.</p>
5.	<p>Kelewatan kemajuan kerja di tapak masih belum mencapai tahap projek sakit, tetapi Kontraktor telah membawa keluar semua pekerja, mesin dan loji kepunyaannya. Lanjutan dari itu, Kerajaan telah menamatkan kontraknya. Adakah tindakan penamatan kontraktor tersebut betul dan mengikut kontrak?</p> <p>Sebelum sebarang tindakan penamatan diambil, P.P perlu mengeluarkan surat amaran kepada Kontraktor terlebih dahulu untuk meneruskan kerja. Sekiranya Kontraktor tidak menunjukkan minat untuk meneruskan kerjanya, laporan projek sakit perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Projek Sakit (walaupun peratus kemajuan belum mencapai tahap projek sakit atau tidak terkebelakang daripada jadual) sebelum tindakan penamatan kerja kontraktor dibuat.</p>
6.	<p>Setelah Kontraktor meninggalkan tapak bina, insurans apakah yang perlu diambil untuk melindungi bahan binaan yang ditinggalkan?</p> <p>Tiada insurans baharu yang perlu diambil. Pihak P.P perlu memastikan semua insurans sedia ada masih sah dan berkuatkuasa. P.P perlu mengambil tindakan melindungi dan menjaga bahan binaan supaya tidak hilang atau rosak.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
7.	<p>Apakah penamatan akibat kepentingan Negara?</p> <p>Penamatan yang dibuat atas sebab keselamatan/polisi negara atau apa-apa sebab yang diputuskan oleh Kerajaan.</p>
8.	<p>Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPIM) & pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) tamat tempoh semasa projek yang dilaksanakan oleh Kontraktor masih lagi belum siap. Bolehkah penamatan kontrak ke atas kerja kontraktor dibuat atas sebab tersebut?</p> <p>Tidak boleh, kerana tiada peruntukan di bawah Klausa 51 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p>
9.	<p>Apakah tindakan jika ada pihak memberi arahan untuk menarik balik penamatan kerja?</p> <p>Notis Penamatan yang telah dikeluarkan TIDAK BOLEH ditarik balik. Jika ada rayuan daripada Kontraktor, rayuan tersebut hendaklah dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk diputuskan.</p>
10.	<p>Subkontraktor Dinamakan (NSC) gagal menyiapkan kerja. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh Kontraktor Utama?</p> <p>Dalam keadaan di mana NSC gagal menyiapkan kerja, Kontraktor Utama boleh menamatkan kerja NSC tersebut selaras dengan peruntukan Klausa 33 Syarat-syarat Kontrak PWD 203N (Rev. 1/2010).</p> <p>Menurut Klausa 63.2 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), Kontraktor Utama dengan persetujuan P.P boleh melantik sub kontraktor kompeten lain untuk menyiapkan kerja sub kontrak tersebut atau Kontraktor Utama boleh menyiapkan kerja tersebut sendiri.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
11.	<p>Apabila Kontraktor Utama ditamatkan kontraknya, maka pihak subkontraktor dinamakan juga ditamatkan. Seringkali pihak Kerajaan akan menamakan semula subkontraktor dinamakan yang asal untuk meneruskan kerja-kerja yang belum siap apabila Kontraktor Utama yang baru di lantik. Adakah perkara ini dibenarkan?</p> <p>Menurut SAKPKR Bil. 7/2008, Subkontraktor Dinamakan yang asal boleh dilantik semula dengan syarat sub kontraktor asal bersetuju untuk meneruskan kerja tanpa tambahan kos.</p> <p>Sekiranya kerja-kerja di bawah Wang Kos Prima (WKP) belum dipelawa atau Subkontraktor Dinamakan tidak bersetuju untuk dilantik atau tidak akan dilantik untuk meneruskan kerja, P.P boleh mencadangkan supaya kerja di bawah WKP yang belum dipelawa atau baki kerja dilaksanakan secara Tender Terhad. Permohonan bagi Tender Terhad untuk subkontrak ini hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Projek Sakit bersama-sama dengan permohonan untuk mendapatkan nama Kontraktor bagi Kerja Utama.</p>
12.	<p>Siapakah yang boleh menamatkan pengambilan kerja Subkontraktor Dinamakan?</p> <p>Kontraktor Utama boleh menamatkan pengambilan kerja Subkontraktor Dinamakan kerana kontrak adalah di antara Kontraktor Utama dan Subkontraktor Dinamakan.</p>
13.	<p>Sekiranya surat penamatan yang dipos secara berdaftar telah dikembalikan ke Pejabat P.P, maka tindakan seterusnya ialah untuk membuat penghantaran surat secara serahan tangan. Walau bagaimanapun, pejabat Kontraktor tersebut telah berkunci dan tiada pekerja. Maka, serahan tersebut tidak dapat dibuat. Apakah tindakan selanjutnya?</p> <p>Rujuk Klausa 67.4 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p> <p>Penghantaran hendaklah dibuat melalui pos daftar sahaja dan bukannya melalui A.R. Register atau A.T. Daftar. Kerajaan perlu membuktikan penghantaran sahaja dan boleh dibuat juga melalui kurier atau poslaju. Pelekat pos daftar hendaklah disimpan sebagai bukti.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, P.P perlu memastikan alamat berdaftar Kontraktor (seperti dinyatakan di dalam kontrak) atau alamat pejabat tapak atau alamat lain sebagaimana yang dimaklumkan kepada pihak Kerajaan selaras dengan Klausa 67.4 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
14.	<p>Kontraktor ditamatkan kerja. Apakah status barang-barang yang ada di tapak bina iaitu mesin, loji dan sebagainya?</p> <p>Selepas penamatan kerja kontraktor berlaku, Kontraktor hendaklah mengosongkan tapak bina dan mengeluarkan bangunan sementara, loji, peralatan, dan apa-apa barang serta bahan tak pasang yang belum dibayar oleh Kerajaan.</p> <p>Jika perkara tersebut di atas adalah kepunyaan Kontraktor dan Kontraktor gagal mengeluarkannya dari tapak bina dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh P.P, Kerajaan berhak untuk mengeluarkan dan menjualnya. Hasilnya akan menjadi kredit kepada Kontraktor (selepas ditolak segala kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk pelupusan tersebut), selaras dengan Klausa 51.1(c) (i) (D) Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p> <p>Pastikan peralatan, dan apa-apa barang serta bahan tak pasang yang telah dibayar dikekalkan dan dilindungi di tapak bina.</p>
15.	<p>Projek ditamatkan atas sebab kecuaiian Kontraktor. Bolehkah bahan/peralatan yang telah lulus ujian dibayar walaupun masih belum dihantar ke tapak bina? (<i>Material off site</i>)</p> <p>Semua bahan/peralatan yang berada di luar tapak bina (<i>material off site</i>) tidak boleh dibayar.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
16.	<p>Bagi projek yang ditamatkan, bagaimanakah cara P.P mengendalikan bahan-bahan yang telah dibayar?</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bahan tak pasang boleh disimpan di stor JKR. Jika berlaku kecurian, laporan polis hendaklah dibuat; ii) Sediakan khidmat pengawal keselamatan untuk memastikan keselamatan bahan tersebut; iii) P.P menulis surat kepada Kontraktor untuk hadir bagi membuat penilaian inventori bersama; iv) Jika Kontraktor gagal hadir, P.P boleh membuat penilaian dan memaklumkan kepada Kontraktor; v) Penghantaran notis hendaklah menggunakan alamat terakhir; vi) Sediakan rekod bergambar yang mempunyai tarikh.
17.	<p>Projek telah ditamatkan dan terdapat <i>material on site</i> di tapak. <i>Material on site</i> telah dimasukkan di dalam kontrak baharu untuk dihargakan oleh Kontraktor dan ditolak dari harga kontrak. Walau bagaimanapun, <i>material on site</i> tersebut tidak dapat digunakan di tapak bina. Adakah nilai <i>material on site</i> tersebut ditambah semula ke dalam harga kontrak tersebut?</p> <p>Satu penilaian dan penyediaan inventori perlu dibuat untuk mengenalpasti dan menentukan sama ada bahan masih boleh digunakan bagi tender yang akan dipelawa semula. Jika ia boleh digunakan, perkara ini perlu dinyatakan di dalam dokumen tender dan Kontraktor dibenarkan untuk memeriksa bahan tersebut sebelum menghargakannya. Jika bahan tersebut tidak boleh digunakan, nilai bahan tersebut tidak perlu disenaraikan sebagai item yang boleh dihargakan oleh Kontraktor dalam dokumen tender.</p> <p>Jika bahan tersebut tidak dapat digunakan kerana rosak selepas diawad kepada Kontraktor baharu, maka tiada kos tambahan yang perlu dibayar kepada Kontraktor. Ini merupakan risiko yang perlu ditanggung oleh Kontraktor.</p>

SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
18.	<p>Berapa lamakah tempoh untuk menyediakan inventori selepas penamatan kontrak dibuat?</p> <p>Tempoh untuk menyediakan inventori tidak ditetapkan. Walau bagaimanapun, tindakan segera hendaklah diambil selepas penamatan pengambilan kerja kontraktor.</p>
19.	<p>Terdapat item <i>Preliminaries</i> iaitu kemudahan kenderaan untuk P.P. Sekiranya berlaku penamatan kerja kontraktor, apakah status kenderaan tersebut? Adakah ia perlu dipulangkan kepada Kontraktor atau P.P masih boleh menggunakannya?</p> <p>Kenderaan tersebut perlu dikembalikan kepada Kontraktor dan penyerahan semula hendaklah direkodkan.</p>
20.	<p>Kontraktor Utama diistiyarkan muflis oleh mahkamah. Masih terdapat tuntutan yang belum dibayar oleh Kontraktor kepada Kerajaan. JKR mengetahui Kontraktor mempunyai projek dengan agensi lain, bolehkah pihak JKR mengambil duit Kontraktor tersebut (secara kontra)?</p> <p>Tidak boleh.</p> <p>Kerajaan perlu berdaftar dengan Pemegang Amanah di Jabatan Insolvensi bagi disenaraikan sebagai salah satu <i>creditor</i>.</p>
21.	<p>Bolehkah Kerajaan menuntut daripada Kontraktor secara tuntutan bersilang (<i>contra</i>) di mana Kontraktor juga turut berkontrak dengan Kerajaan dalam projek lain?</p> <p>Setelah penamatan kerja kontraktor ditamatkan, Perakuan Kos Muktamad bagi kontrak yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor hendaklah disediakan. Sekiranya Kontraktor didapati berhutang dengan Kerajaan, menurut Klausula 33 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), Kerajaan boleh menuntut secara tuntutan bersilang (<i>contra</i>) dari projek lain.</p>
22.	<p>Kontraktor telah ditamatkan pengambilan kerjanya tetapi tiada tender dipanggil semula untuk menyiapkan baki kerja terbengkalai. Apa tindakan Kerajaan terhadap Kontraktor tersebut?</p> <p>Jika tiada pelawaan semula tender, Bon Pelaksanaan hendaklah dituntut atau Wang Jaminan Pelaksanaan dirampas (yang mana berkaitan).</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
23.	<p>Projek telah ditamatkan dan akan ditender semula. Bolehkah skop asal kerja dikecilkan daripada baki kerja yang sedia ada?</p> <p>Boleh sekiranya dipersetujui oleh pihak pelanggan.</p>
24.	<p>Selepas penamatan, bolehkah spesifikasi baharu dimasukkan atau spesifikasi asal dipinda kepada spesifikasi yang lebih tinggi?</p> <p>Penambahan atau menukar spesifikasi kepada spesifikasi yang lebih tinggi boleh dibuat sekiranya benar-benar perlu. Walau bagaimanapun, semasa penyediaan dokumen tender skop asal dan skop baharu perlu diasingkan. Skop baharu tidak boleh dituntut sebagai perbezaan kos daripada Kontraktor asal.</p>
25.	<p>Berapakah jumlah Bon Pelaksanaan yang boleh dituntut bagi projek yang ditamatkan pengambilan kerja kontraktor?</p> <p>Bon Pelaksanaan hendaklah dituntut sepenuhnya.</p>
26.	<p>Bayaran Pendahuluan sebanyak RM1 juta telah dibayar kepada Kontraktor. Bayaran balik melalui potongan telah dibuat sebanyak RM100,000.00 dan penamatan kontrak telah dikeluarkan kepada Kontraktor. Apakah tindakan P.P selanjutnya?</p> <p>Baki wang pendahuluan sebanyak RM900,000.00 hendaklah dituntut daripada Bank/Syarikat Kewangan atau Insurans dengan kadar segera sebelum tarikh sah laku jaminan bank luput.</p>
27.	<p>Sekiranya Kontraktor baharu yang dilantik turut membaiki kecacatan ke atas kerja bagi kontrak yang telah ditamatkan, bolehkah kos membaiki kecacatan tersebut dimasukkan ke dalam Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan?</p> <p>Ya, kos tersebut boleh dimasukkan ke dalam Perakuan Muktamad Bagi Kontrak Yang Ditamatkan.</p>
28.	<p>Adakah terdapat prosedur piawai untuk tamatkan kerja Sebutharga?</p> <p>Sila rujuk perkara 9, Syarat-syarat Sebutharga di 1PP /PK 2 dan SA KPKR Bil 22/2016.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
29.	<p>Bagi projek terbengkalai di mana skop kerja yang tertinggal hanya kecil sahaja, contohnya, kerja penanaman rumput, bolehkah kontrak ini ditamatkan?</p> <p>Di mana baki kerja adalah kecil, dan kontraktor gagal menyiapkan kerja tersebut, amaran dan peringatan perlu dikeluarkan. Jika ianya berterusan P.P boleh melantik pihak ketiga untuk menyiapkan kerja tersebut.</p>
30.	<p>Apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Klausu 54.1(e) dalam Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010)?</p> <p>Apa-apa kos yang munasabah bagi melindungi kerja dan sebarang kos mengeluarkan apa-apa loji, peralatan dan kemudahan tapak berikutan dengan penggantungan atau penamatan akibat kepentingan nasional.</p>
31.	<p>Sekiranya Kontraktor telah dituduh atas kesalahan rasuah tetapi belum disabitkan kesalahan:</p> <p>a) Adakah kita perlu menamatkan kontrak tersebut sebelum Kontraktor dibuktikan bersalah?</p> <p>b) Sekiranya Kontraktor telah ditamatkan kontrak dan Kontraktor didapati tidak bersalah, apakah implikasinya kepada Kontraktor?</p> <p>c) Sekiranya Kontraktor tidak bersalah, bolehkah Kontraktor merayu untuk menyambung kontrak?</p> <p>Klausu 53.1 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010) menyatakan hanya setelah Kontraktor disabitkan bersalah baru penamatan kerja kontraktor boleh ditamatkan pengambilan kerjanya.</p> <p>Situasi di (b) dan (c) tidak relevan kerana tindakan penamatan boleh diambil hanya setelah Kontraktor didapati bersalah.</p>
32.	<p>Bilakah penamatan akibat rasuah boleh digunakan?</p> <p>Penamatan akibat rasuah boleh digunakan apabila Kontraktor didapati bersalah oleh Mahkamah.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
33.	<p>Sekiranya projek dimansuhkan menggunakan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Semakan 10/83), adakah tender semula bagi projek ini harus menggunakan syarat-syarat kontrak yang sama atau ditukar ke Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010)? Adakah akan berlaku percanggahan jika terdapat kes mahkamah?</p> <p>Projek yang ditender semula perlu menggunakan borang Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010). Jika terdapat perbezaan klausa yang memberikan implikasi kos, ianya tidak boleh diambilkira dalam penyediaan Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Ditamatkan (tidak boleh dituntut dari Kontraktor asal).</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
34.	<p>Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas Kontraktor yang masih meneruskan kerja meskipun Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan kepadanya?</p> <p>Selepas Notis dikeluarkan, P.P perlu melaksanakan semua tatacara yang perlu diambil mengikut Syarat-syarat Kontrak. P.P tidak boleh sekali-kali membenarkan Kontraktor meneruskan kerja di tapak bina. Sekiranya Kontraktor masih berdegil dan enggan keluar dari tapak bina, P.P hendaklah membuat laporan polis.</p> <p>Tindakan yang perlu diambil oleh P.P sebaik sahaja Surat Pemansuhan Kontrak dikeluarkan adalah berdasarkan SA KPKR Bil. 8/2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mengarah Kontraktor berhenti kerja dan meninggalkan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan, barang-barang dan bahan takpasang di tapak bina dengan serta-merta; (ii) Tutup tapak bina dan dapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan 24 jam sehingga tapak bina diserahkan kepada Kontraktor baharu, untuk memastikan tiada sesiapa pun dibenarkan masuk atau berada di tapak bina tanpa kebenaran P.P dan tiada sesuatu apa jua pun dibawa keluar dari tapak bina tanpa kebenaran bertulis daripada P.P; (iii) Rekodkan bilangan, jumlah, lokasi dan keadaan bangunan-bangunan sementara, loji-loji, alat-alat jentera, peralatan binaan, bahan-bahan binaan dan barang-barang lain yang berada atau disimpan di dalam kawasan tapak bina dan buat pengukuran dan penilaian ke atas kerja setakat yang telah disiapkan. Wakil Kontraktor hendaklah dijemput supaya menyaksikan pengambilan rekod dan pengukuran yang dibuat. Gambar foto yang menunjukkan keadaan kerja bangunan-bangunan sementara dan bahan-bahan binaan serta alat-alat yang ditinggalkan semasa kontrak dimansuhkan hendaklah diambil, untuk rujukan masa hadapan, jika perlu; (iv) Keluarkan arahan kepada Kontraktor untuk mengeluarkan semua loji, peralatan dan barang-barang kepunyaan Kontraktor di tapak bina; dan (v) Pastikan keselamatan kerja-kerja yang belum siap seperti tetulang keluli yang belum dituang konkrit, disapu simen <i>slurry</i> untuk mengelakkannya dari berkarat, lubang-lubang penggalian yang dalam hendaklah dilitupi, ditimbus dan dilindungi bagi mengelakkan kecederaan dan pembiakan nyamuk.

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
35.	<p>Bagaimanakah untuk menangani isu Kontraktor yang telah ditamatkan pengambilan kerja di tapak bina tetapi enggan keluar dari tapak bina?</p> <p>Perlu buat laporan polis dan pastikan terdapat pengawal keselamatan untuk menjaga dan mengawasi tapak bina sementara kontraktor baharu dilantik.</p>
36.	<p>Kepada siapakah Kontraktor perlu mengemukakan notis penamatan jika ia berhasrat menamatkan kontrak di bawah Klausu 55 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010)?</p> <p>Kontraktor hendaklah mengemukakan notis tersebut kepada P.P sepertimana alamat di dalam Klausu 67.3 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p>
37.	<p>Bagi projek-projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, adakah sah sekiranya Notis Tujuan Penamatan ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri?</p> <p>Sah, sekiranya telah dinamakan dalam Syarat-syarat Kontrak.</p>
38.	<p>Sekiranya pengambilan kerja Kontraktor untuk satu projek telah ditamatkan atas sebab korupsi di bawah Klausu 53 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), bagaimana kedudukan projek lain yang dilaksanakan oleh Kontraktor yang sama?</p> <p>Semua kontrak antara Kerajaan dan Kontraktor tersebut perlu ditamatkan berdasarkan Klausu 53.0 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010).</p>
39.	<p>Sekiranya Kontraktor menamatkan Kontrak di bawah Klausu 55 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), apakah kedudukan Bon Pelaksanaan tersebut?</p> <p>Bon Pelaksanaan tidak boleh dirampas kerana Kontraktor yang telah menamatkan kontrak dengan Kerajaan.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
40.	<p>Satu projek telah ditamatkan secara persetujuan bersama akibat dari kegagalan Kerajaan memberi tapak bina dan memperolehi kebenaran merancang. Walau bagaimanapun, Kontraktor tidak bersetuju menandatangani perjanjian tambahan kerana mengandungi klausa yang menyatakan “tidak boleh menuntut”. Adakah perlu dirampas Bon Pelaksanaan?</p> <p>Bon Pelaksanaan tidak boleh dirampas kerana penamatan adalah atas persetujuan bersama.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, jaminan bank bagi wang pendahuluan boleh dirampas. Sebaik-baiknya, tidak dimasukkan klausa yang boleh mengakibatkan kontraktor tidak bersetuju, seperti kegagalan memberi tapak bina, kerana ia bukan kemungkiran kontraktor. Sepatutnya sebab yang digunakan ialah seperti projek ditangguhkan. Di samping itu, Perjanjian Tambahan tidak wajar digunakan atas sebab kegagalan memberi tapak bina. Penamatan atas persetujuan bersama perlu menggunakan Klausa 38 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010) iaitu Kontraktor berhak menamatkan kontrak (<i>mutual termination</i>).</p>
41.	<p>Jika penamatan bersama diputuskan, adakah Kontraktor akan disenaraihitam?</p> <p>Kontraktor tidak akan disenaraihitam.</p>
42.	<p>Kontraktor telah ditamatkan pengambilan kerjanya. Bolehkah pemanggilan tender semula untuk menyiapkan baki kerja dibuat secara sebutharga sahaja memandangkan baki kerja adalah di dalam lingkungan sebutharga dan tidak dipanggil di kalangan Kontraktor yang sama kelas dengan kontrak asal?</p> <p>Tidak boleh. Perlu patuhi 1PP/PK4 dan SA KPKR Bil. 7/2008.</p> <p>Apabila kemajuan pelaksanaan projek didapati lewat 2 bulan atau 20% terkebelakang daripada jadual yang ditetapkan, tindakan untuk memulakan proses penamatan pengambilan kerja kontraktor hendaklah diambil selaras dengan Garis Panduan Urusan Berhubung Dengan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Sekiranya Kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya dan kelewatan berterusan sehingga melebihi 3 bulan atau 30% dari jadual, maka P.P hendaklah menyediakan dan mengemukakan satu Laporan Projek Sakit kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit (JKPPS) untuk satu keputusan.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
43.	<p>Apakah tuntutan kerugian yang boleh dibuat terhadap Kontraktor yang ditamatkan projeknya tetapi pihak Pelanggan bercadang untuk tidak meneruskan projek terbengkalai tersebut?</p> <p>Tiada.</p>
44.	<p>Bagi projek yang dimansuhkan, apakah implikasi terhadap kontrak jika surat tuntutan terhadap Kontraktor bagi menuntut kos perbezaan harga dibuat selepas 9 bulan?</p> <p>Tiada implikasi dan tuntutan masih sah. Walau bagaimanapun, amalan terbaik adalah kurang dari 9 bulan.</p>
45.	<p>Bolehkah pihak lain mengambil alih kontrak apabila Kontraktor telah meninggal dunia?</p> <p>Merujuk kepada Klausa 1.1 (c) Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 1/2010), kontrak dibenarkan diambilalih oleh pewaris Kontraktor/syarikat. Kontraktor ertinya orang atau orang-orang, tuan punya tunggal, perkongsian, firma atau syarikat yang tendernya bagi Kerja telah diterima dan yang telah menandatangani Kontrak ini dan termasuk wakil diri, waris, pengganti, wasi, pentadbir, perkhidmat dan ejen Kontraktor.</p>
46.	<p>Bagi Kontraktor yang dikenakan tindakan penggulungan, bagaimanakah untuk membuat tuntutan terhadap Kontraktor?</p> <p>Tuntutan boleh dibuat kepada Jabatan Insolvensi.</p>
47.	<p>Terdapat kesilapan dalam Perakuan Muktamad Bagi Projek Yang Ditamat dan pembetulan telah dibuat menggunakan pen/dakwat merah. Adakah ianya akan memberi apa-apa kesan dari sudut perundangan?</p> <p>Tidak, tetapi sebaiknya dielakkan.</p>

**SIRI JELAJAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KONTRAK
PENAMATAN KONTRAK**

BIL	SOALAN DAN JAWAPAN
48.	<p>Satu projek layak diberi lanjutan masa selama 120 hari dan baki kerjanya ialah 60%. Namun begitu, P.P berpendapat yang Kontraktor tidak boleh menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan. Bolehkah kontrak tersebut ditamatkan?</p> <p>Bagi keadaan ini, lanjutan masa hendaklah diberikan kepada Kontraktor. Kerja Kontraktor hendaklah terus dipantau dan sekiranya Kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan, penamatan pengambilan kerja kontraktor hendaklah mengikut syarat-syarat kontrak dan SA KPKR Bil. 4/2017.</p>